



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**HARGA RUNCIT DIESEL MENINGKAT SEBANYAK 3 SEN SELITER
BAGI TEMPOH 7 OGOS 2025 HINGGA 13 OGOS 2025**

Seiring dengan peningkatan harga pasaran minyak dunia, **Kerajaan menetapkan harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia pada RM2.94 seliter**. Harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia masih kekal rendah berbanding harga diapungkan pada 10 Jun 2024 iaitu sebanyak RM3.35 seliter.

Kerajaan akan terus memantau perkembangan pasaran dan menyelaraskan harga runcit diesel dengan mengambil kira pergerakan harga pasaran minyak dan juga menyokong kestabilan harga.

Sehubungan itu, berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism*, harga runcit produk petroleum bagi tempoh **7 Ogos 2025 hingga 13 Ogos 2025** adalah ditetapkan seperti berikut:

- (i) harga runcit petrol RON97 kekal pada paras RM3.17 seliter;
- (ii) harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.05 seliter;
- (iii) harga runcit diesel di Semenanjung Malaysia naik sebanyak 3 sen seliter iaitu daripada RM2.91 seliter kepada RM2.94 seliter; dan
- (iv) harga runcit diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan kekal pada paras RM2.15 seliter.

Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

Kementerian Kewangan

Putrajaya

6 Ogos 2025